

Coptic Orthodox Patriarchate  
His Holiness Pope Tawadros II  
Pope of Alexandria and  
Patriarch of the See of St. Mark  
The Papal Center



بطيركية الأقباط الأرثوذكس  
قداسة البابا الأنبا تواضروس الثاني  
بابا الأسكندرية  
وبطيرك الكرازة المرقسية  
المقر البابوي

222 Ramses St., Abbaseya, Cairo, Egypt

Πατριάρχος

222 شارع رمسيس ، العباسية ، القاهرة ، مصر

Tel: 024822580

Fax: 0235365880

email: office@popetawadros.org

تليفون: 024822580 فاكس: 0235365880

Malay – Nativity 2025

**Dalam nama Tuhan Bapa, Tuhan Anak, dan Roh Kudus, satu satunya Tuhan, Amin.**

Selamat Tahun Baru dan selamat menyambut Pesta Perayaan Kelahiran Mulia. Saya mengucapkan tahniah kepada anda, yang dikasihi, di semua gereja Coptic kita. Saya mengucapkan tahniah Tahun Baharu 2025 kepada saudara. Dan pada Pesta Kelahiran yang Mulia Perayaan Mulia pertama dalam tahun Gregorian ini. Saya mengucapkan tahniah kepada semua bapa, metropolitan dan bishop. Semua bapa, paderi: hegumen, imam-imam, dan daikon. Saya mengucapkan tahniah kepada lembaga gereja, dan seisi keluarga Koptik. Semua belia dan kanak-kanak di seluruh dunia. Pada Perayaan Kelahiran yang mulia, di mana kita menyambut Kristus sebagai seorang bayi. Semasa Tuhan ingin menziarahi dunia. Dia memilih cara kanak-kanak. Dan melalui bayi kecil ini, kerja kemuliaan telah dicapai. Sesungguhnya, apabila kita mengkaji peristiwa Kelahiran Mulia. Kami menemui satu fakta yang sangat penting. Bahawa semua perkara kecil, apabila diletakkan di tangan Tuhan, menjadi amat sempurna. Silakan saya berikan contoh perkara ini.

Dalam kisah Nativity, kita bertemu dengan kampung kecil, Bethlehem. kampung yang kabur dan tidak diketahui. Terdapat beribu-ribu kampung, di banyak tempat di dunia. Tetapi apabila kampung ini disambut. Perawan Maria yang suci dan St. Joseph seorang tukang kayu. hasil Kelahiran Tuhan Kristus ialah. kampung ini menjadi kampung yang paling terkenal di seluruh dunia. Ini adalah perkampungan Bethlehem. Apa yang kecil di tangan Tuhan menjadi sangat hebat. Ia bukan sahaja di kampung tetapi juga gadis muda itu. ibu kami, Perawan Maria. Dia seorang gadis muda, tak lanjut usiat tetapi Tuhan memenuhinya dengan Rahmat. Dan malaikat itu berkata kepadanya. Roh Kudus akan turun ke atas kamu, dan kuasa Tuhan Yang Mahatinggi akan menaungi kamu. Oleh itu, juga, Yang Kudus yang akan dilahirkan itu akan disebut Anak Tuhan (Lukas 1:35). Gadis yang sangat muda dan rendah hati ini. yang tinggal di rumah ibadat. kemudiannya menjadi orang suci yang paling terkenal dalam kehidupan Kristian. Kami kini memanggilnya "Kebanggaan", bangsa kita. Seluruh umat manusia, lelaki dan wanita di mana-mana. Seperti yang saya nyatakan. Seorang gadis kecil, apabila dia berinteraksi, dengan Tuhan. dan dipenuhi dengan rahmat, menjadi .megah ini.

Contoh ketiga ialah bintang. (Matius 2:2).Sebuah bintang kecil muncul di langit.Ia bergerak dengan cara yang mungkin luar biasa.dalam pertimbangan ilmu astronomi.Ia membimbing orang Majus yang datang dari Timur.Majusi ini, semasa dalam perjalanan mereka.mempunyai bintang ini sebagai satu-satunya panduan dan memimpin mereka.Bintang ini bergerak semasa mereka bergerak.dan berhenti ketika mereka berhenti.Ia menjadi satu keajaiban.Langit dipenuhi dengan bintang yang tidak terkira banyaknya.Tetapi bintang ini, bintang Kelahiran, menjadi satu keajaiban.terkenal dan tersohor.Apabila kita menggambarkan ikon Nativity.Kita mesti melukis bintang ini dalam semua jenis ikon.Terdapat banyak contoh: yang kecil di tangan Kristus menjadi besar.Yang kecil di tangan Kristus menjadi berlimpah.

Bukan sahaja contoh ini tetapi juga satu lagi.Sanjungan ibadat.Sanjungan ibadat yang dinyanyikan oleh para malaikat di peristiwa Nativity.Satunya Sanjungan ibadat yang sangat pendek.Tetapi ia menjadi tunjang agama Kristian kami.Kemuliaan bagi Tuhan di tempat yang mahatinggi, dan "damai sejahtera di bumi, muhibbah terhadap manusia" (Lukas 2:14).Sanjungan ibadat dengan beberapa perkataan tetapi makna yang amat besar.Ia menjadi tunjang ungkapan agama Kristian kami.Kenapa?Kerana sanjungan ibadat ini merangkumi langit, bumi dan manusia.Oleh itu, ia menjadi Sanjungan ibadat yang menyeluruh.Syurga: Kemuliaan bagi Tuhan di tempat yang mahatinggi.Bumi: Dan damai sejahtera di bumi.Kemanusiaan: Dan muhibbah terhadap manusia.Ia menjadi sanjungan ibadat tiga ganda, lengkap, dan menyeluruh.Ia menjadi tajuk untuk kerja Kristus dan misi Kristian.Ia umpama rancangan dan program untuk kehidupan manusia.Terdapat banyak contoh.Tetapi perkara penting ialah ini.Apabila anda meletakkan yang kecil di tangan Tuhan, ia akan dijadikan besar.Dalam bahasa kita, kita berkata: "Ia adalah diberkati," walaupun ia sedikit.

Di sebalik kisah Nativity, saya boleh memberi anda contoh lain.Sebagai contoh, budak kecil yang membawa lima roti dan dua ikan.di tengah keramaian ribuan orang.Apabila Kristus meminta pengikut-Nya, untuk memberi makanan kepada orang ramai.mereka berkata: Kami tidak mempunyai apa-apa selain seorang budak kecil.yang membawa lima roti dan dua ikan . (Yohanes 6:9).Mungkin ini adalah sarapan budak itu.Tetapi para Pengikutnya mengambil makanan yang sangat kurang ini.meletakkannya dalam tangan Kristus, dan ia menjadi berganda-ganda. bekalan makanan untuk lima ribu orang lelaki, tidak termasuk wanita dan kanak-kanak.Dan masih ada baki duabelas bakul penuh.Sungguh dilimpah berkat! Alangkah hebatnya.

Contoh lain.Rasul Petrus, sebelum menjadi rasul, adalah seorang nelayan.Dia seorang nelayan. Dia keluar memancing.Dan seperti kata nelayan, "Kehidupannya" bergantung kepada Tuhan.Pada suatu hari, ada rezeki; pada hari lain tiada. Pada suatu malam memancing mereka langsung tidak berjaya.Mereka bekerja keras sepanjang malam

untuk menangkap ikan, tetapi tetap gagal. Kristus muncul pada waktu subuh dan berkata kepada mereka. Turunkan semula jala kamu" (Lukas ... " 66 .5:4). Peter mengucapkan kata-katanya yang terkenal. Guru, kami telah bekerja keras sepanjang malam, dan tidak menangkap apa-apa. Namun demikian, oleh firman-Mu aku akan menurunkan semula jala (Lukas 5:5). Kitab Suci berkata. "... mereka menangkap sejumlah besar ikan, dan jala mereka koyak" (Lukas 5:6). Jala mereka telah pecah, penuh, dan melimpah atas firman Kristus. Atas firman-Mu aku akan menyebarkan jala" (Lukas 5:5).

Satu lagi contoh yang indah. Perempuan yang menderma dua sen. (Markus 12:42). Kedua-dua sen ini adalah sangat kecil nilainya dalam masa Tuhan Kristus. Tetapi dia sanggup memberikan walaupun dilanda kemiskinan dan keperluan. Hasilnya ialah Tuhan memuji dia dan menyambut baik perbuatan dia. Dan wanita yang mempunyai dua sen itu menjadi terkenal dalam Perjanjian Baru. Manakala ada juga yang banyak memberi. Dan syiling pada masa itu diperbuat dari logam. Dan kotak untuk pendermaan adalah juga logam. Apabila syiling dimasukkan di dalam kotak biasanya menghasilkan bunyi. Syiling besar membuat bunyi lebih kuat Syiling kecil kurang bunyi. Kedua-dua sen ini berkemungkinan besar langsung tidak mengeluarkan bunyi. Tetapi Kristus memujinya, memberkatinya dan menyebutkannya. Dia menjadi model untuk kami.

Malah dalam kisah-kisah memilih pengikut Kristus. Seperti dalam pemilihan Nabi Daud (1 Samuel 16:11). Dia adalah seorang budak lelaki, yang bongsu di antara saudara-saudaranya, dengan badan yang lemah. Kisah serupa boleh dilihat dalam kisah Saint Bishoy. Daud masih muda, tetapi ketika Tuhan memilih dia sebagai hamba Tuhan. Para petua membantah, berkata, "Pilih seseorang yang lebih dewasa". Tetapi Tuhan memilih orang muda dan menjadikannya seorang yang agung dan suci. Dia menjadikan Daud sebagai Nabi sepanjang hidupnya dan mazmurnya. termasuk Mazmur Taubat yang terkenal. Imej yang indah ini mengingatkan kita, semasa kita merayakan Kelahiran Kristus. bahawa sedikit pun yang kita tawarkan kepada Tuhan sanggup dijadikan sangat mulia. Ia bukan hanya sekadar sedikit wang, tetapi juga walaupun sedikit masa. Apabila anda mendedikasikan masa walaupun terhad dalam setiap hari kepada Tuhan. dalam berdoa, membaca Alkitab, kesendirian, atau untuk renungan. anda akan menikmati detik-detik kecil ini yang anda tawarkan kepada Tuhan. boleh memberkati anda sepanjang hari, minggu, dan bulan. Apabila anda menawarkan usaha, perkhidmatan, pemikiran, inovasi, atau, kreativiti. tidak kira betapa sedikit yang anda berikan, ia akan menjadi hebat.

Inilah mesej Nativity yang saya sampaikan kepada anda hari ini, kamu yang dikasihi: Jangan memandang rendah apa-apa, tanpa mengira saiz atau bentuknya. Anak kecil kami akan berjaya pada masa hadapan. Usaha yang anda tawarkan, masa anda, wang anda, fikiran anda, tenaga kerja anda, dan air mata anda. semua akan menjadi besar di

tangan Tuhan jika dipersembahkan demi Dia. Saya mengucapkan tahniah kepada anda semua. Saya mengucapkan tahniah kepada semua diocese Koptik di seluruh dunia. di Afrika, Asia, Eropah. Amerika Utara, Amerika Selatan, , dan Australia. juga, Penaung Tanah Suci di kota agung Tuhan kita, Yerusalem. Saya mengucapkan tahniah kepada anda semua dari Kaherah, dari Mesir. Saya mengucapkan tahniah kepada anda dan menyampaikan salam seluruh Gereja Coptic di Mesir. saya ucapkan selamat tahun baru. Saya mendoakan agar perayaan Nativity diberkati, dan kegembiraan Nativity dalam kehidupan anda. Kemuliaan bagi Tuhan di tempat yang mahatinggi, dan "damai sejahtera di bumi, muhibbah terhadap manusia" (Lukas 2:14).

*Pawadas II*